



## IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

---

### PENETAPAN SYARAT-SYARAT LESEN AGENSI PEKERJAAN SWASTA DI BAWAH AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]

---

#### 1. PENDAHULUAN

Penetapan Syarat-syarat Lesen Agensi Pekerjaan Swasta (APS) oleh Ketua Pengarah berdasarkan seksyen 9B Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246].

#### 2. TUJUAN

Tujuan dokumen ini adalah untuk memaklumkan berkenaan penetapan syarat-syarat lesen oleh Ketua Pengarah di bawah Akta 246 yang terpakai kepada semua pemegang lesen APS.

#### 3. SYARAT SEPANJANG TEMPOH LESEN

3.1 Suatu APS hendaklah mengekalkan semua syarat-syarat di bawah seksyen 9(1) Akta 246 **sepanjang tempoh berlesen** seperti berikut:

- i. sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]:
  - a. dengan modal berbayar minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta 246; dan

- b. sekurang-kurangnya 51 peratus daripada jumlah keseluruhan syer syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia.
- ii. pengarah syarikat yang dinamakan dalam borang permohonan yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal APS:
  - a. ialah seorang warganegara Malaysia;
  - b. bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
  - c. tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa.
- iii. mempunyai premis APS yang sesuai untuk menjalankan aktiviti merekrut sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- iv. mempunyai nama syarikat yang didahului dengan perkataan “Agenzi Pekerjaan”.

#### **4. PENUBUHAN CAWANGAN**

- 4.1 Kategori lesen bagi cawangan APS hendaklah mempunyai aktiviti yang sama atau kurang daripada kategori lesen induk APS.

<b>APS</b>	<b>Induk</b>	<b>Cawangan</b>
Kategori lesen	A	A
	B	A atau B
	C	A atau B atau C

- 4.2 APS yang bercadang menubuhkan suatu cawangan hendaklah menyatakan alamat cawangan baharu di dalam dokumen SSM.

- 4.3 Permohonan lesen bagi penubuhan suatu cawangan hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan.
- 4.4 Tempoh lesen cawangan adalah tertakluk kepada baki tempoh lesen induk. Contohnya, jika lesen induk mempunyai baki tempoh satu (1) tahun, maka tempoh lesen cawangan adalah mengikut baki tempoh lesen induk iaitu satu (1) tahun.

## 5. PENYEDIAAN, PENYENGGARAAN DAN PENYIMPANAN REKOD

- 5.1 APS hendaklah menyedia, menyenggara dan menyimpan rekod-rekod mengikut seksyen 19 Akta 246 bagi tempoh tidak kurang dari enam (6) tahun dari tarikh perekodan:
- i. pendaftaran pencari kerja;
  - ii. pendaftaran majikan;
  - iii. kekosongan pekerjaan;
  - iv. penempatan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara;
  - v. rekod fi yang dipungut; dan
  - vi. akuan penerimaan pekerja oleh majikan daripada agensi.

- 5.2 Rekod-rekod bulanan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Tenaga Kerja (PTK) pada setiap 15 Januari dan 15 Julai atau pada bila-bila masa sekiranya diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Contoh:

- i. Sekiranya APS memulakan operasi pada bulan Mei, APS hendaklah mengemukakan rekod-rekod bagi bulan Mei dan Jun pada 15 Julai; atau
- ii. Sekiranya APS memulakan operasi pada bulan September, APS

hendaklah mengemukakan rekod-rekod bagi bulan September hingga Disember pada 15 Januari tahun berikutnya.

## **6. PEMBAHARUAN LESEN**

- 6.1 Kelulusan bagi pembaharuan lesen cawangan hanya akan dikeluarkan setelah lesen induk diperbaharui.
- 6.2 Kegagalan memperbaharui lesen induk dalam masa yang ditetapkan akan menjaskan pembaharuan lesen induk dan cawangan.
- 6.3 Lesen cawangan tidak akan diperbaharui sekiranya permohonan pembaharuan lesen induk ditolak oleh Ketua Pengarah.
- 6.4 Jika permohonan pembaharuan lesen induk dan cawangan diluluskan, tempoh lesen induk dan cawangan adalah sama.

## **7. PERTUKARAN KATEGORI LESEN APS**

Tempoh lesen APS setelah diluluskan bagi permohonan pertukaran kategori adalah tertakluk kepada baki tempoh lesen kategori asal.

Contoh:

Tempoh lesen kategori asal adalah mulai 15 Julai 2023 sehingga 14 Julai 2025 dan permohonan pertukaran kategori diluluskan pada 15 Ogos 2024. Oleh itu, tempoh tamat bagi lesen dengan kategori baharu adalah kekal pada 14 Julai 2025.

## **8. PEMBERHENTIAN OPERASI, KEGAGALAN UNTUK MEMPERBAHARUI, PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN LESEN APS INDUK**

Lesen APS induk yang telah terhenti berkuat kuasa akibat daripada:

- i. pemberhentian operasi sebelum tamat tempoh lesen;

- ii. gagal memperbaharui lesen; atau
  - iii. lesen digantung atau dibatalkan,
- akan turut menyebabkan lesen cawangan tidak mempunyai kuat kuasa.

## **9. PREMIS APS**

APS hendaklah pada setiap masa dalam tempoh berlesen memastikan premis APS adalah seperti ketetapan berikut:

### **9.1 Papan tanda APS**

Papan tanda APS yang mengandungi nama dan nombor lesen hendaklah dipamerkan di hadapan premis APS atau di mana-mana bahagian premis supaya mudah dilihat oleh orang awam.

### **9.2 Jenis premis**

- i. Premis hendaklah suatu bangunan yang berstatus perniagaan atau rumah kedai yang mempunyai lesen perniagaan/ surat kelulusan sementara/ surat kelulusan bersyarat yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atas nama APS.
- ii. Premis APS tidak berkongsi dengan premis perniagaan yang lain.
- iii. Bagi premis berkonsepkan bilik/ komersial seperti *Small Office Home Office* (SoHo), *Small Office Flexible Office* (SoFo), *Small Office Virtual Office* (SoVo), *Co-Working Space* atau apa-apa jenis premis yang lain, adalah dibenarkan dengan syarat mempunyai:
  - a. bilik bertutup dan ruang kerja yang khusus;

- b. tidak berkongsi dengan syarikat yang lain di bilik bertutup tersebut;
  - c. bilik bertutup tersebut tidak berada di dalam ruang kerja syarikat lain; dan
  - d. bilik bertutup tersebut mempunyai lesen perniagaan/ surat kelulusan sementara/ surat kelulusan bersyarat yang dikeluarkan oleh PBT atas nama APS.
- iv. APS perlu memastikan alamat premis perniagaan dalam maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah sama dengan alamat premis perniagaan pada lesen PBT.

### 9.3 Premis bukan tempat kediaman atau penginapan

Premis untuk menjalankan aktiviti agensi pekerjaan bukan suatu tempat kediaman atau dijadikan sebagai tempat penginapan.

## 10. PENGIKLANAN OLEH APS

Bagi tujuan pengiklanan dan promosi, APS dibenarkan untuk menggunakan nama komersial, namun perlu diletakkan juga nama penuh syarikat.

## 11. AKTIVITI APS MENGIKUT KATEGORI LESEN

11.1 APS hanya dibenarkan untuk menjalankan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

11.2 Lain-lain aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Jadual termasuk aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) tidak dibenarkan untuk dijalankan oleh APS.

**JADUAL**  
**Aktiviti Yang Dibenarkan Mengikut Kategori Lesen**

<b>JENIS KATEGORI LESEN</b>	<b>AKTIVITI YANG DIBENARKAN</b>
<b>A</b>  Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti perekrutan bagi pencari kerja (warganegara Malaysia sahaja).</li> <li>• Mengadakan sesi penyesuaian kerja khusus kepada pekhidmat domestik iaitu pembantu rumah warganegara Malaysia yang tidak melebihi tiga hari tanpa sebarang bayaran dikenakan terhadap pembantu rumah.</li> <li>• Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya atau karnival pekerjaan tanpa sebarang bayaran dikenakan kepada pencari kerja (warganegara Malaysia) yang telah berdaftar dengan agensi tersebut.</li> </ul>
<b>B</b>  Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti perekrutan bagi pencari kerja (warganegara Malaysia) dan pekhidmat domestik asing.</li> <li>• Menempatkan pencari kerja (warganegara Malaysia) dalam pekerjaan di luar negara.</li> <li>• Mewakili majikan dalam urusan permohonan, pengambilan dan penempatan pekhidmat domestik asing termasuk urusan dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan lain-lain agensi berkaitan.</li> <li>• Mengadakan sesi penyesuaian kerja khusus kepada pekhidmat domestik iaitu pembantu rumah warganegara Malaysia dan asing yang tidak melebihi tiga hari tanpa sebarang bayaran dikenakan terhadap pembantu rumah.</li> <li>• Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya atau karnival pekerjaan tanpa sebarang bayaran dikenakan kepada pencari kerja (warganegara Malaysia) yang telah berdaftar dengan agensi tersebut.</li> </ul>
<b>C</b>  Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti perekrutan bagi pencari kerja (warganegara Malaysia), pekhidmat domestik asing dan pekerja bukan warganegara mengikut undang-undang, dasar dan prosedur yang ditetapkan.</li> <li>• Menempatkan pencari kerja (warganegara Malaysia) dalam pekerjaan di luar negara.</li> <li>• Mewakili majikan dalam urusan permohonan, pengambilan dan penempatan pekhidmat domestik asing dan pekerja bukan warganegara termasuk urusan dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK),</li> </ul>

JENIS KATEGORI LESEN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN
	<p>Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan lain-lain agensi berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan sesi penyesuaian kerja khusus kepada pekhidmat domestik iaitu pembantu rumah warganegara Malaysia dan asing yang tidak melebihi tiga hari tanpa sebarang bayaran dikenakan terhadap pembantu rumah.</li> <li>• Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya atau karnival pekerjaan tanpa sebarang bayaran dikenakan kepada pencari kerja (warganegara Malaysia) yang telah berdaftar dengan agensi tersebut.</li> </ul>

## 12. TARIKH KUAT KUASA

Syarat-syarat ini berkuat kuasa mulai **15 Januari 2024**.

## 13. RUJUKAN

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Unit Agensi Pekerjaan Swasta, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat JTKSM.

(KAMAL BIN PARDI)

Ketua Pengarah Tenaga Kerja  
Semenanjung Malaysia

Tarikh: 15/01/24